

# Tidak Islamiknya Pembangunan di Negara Islam

## The Non-Islamic Development in Islamic Countries

Muhammad Tahir

Program Pascasarjana Magister Manajemen, Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi “Keuangan, Perbankan dan Pembangunan” (STIE “KBP”), Padang, Sumatera Barat, Indonesia

Tel: +6016-4561073 E-mel: muhatir@yahoo.com

### Abstrak

Selepas berakhirnya pemerintahan Khulafa al-Rasyidin iaitu Khalifah Ali sistem pembangunan Islam telah mengalami perubahan drastik. Hampir kesemua pemimpin tidak lagi mewujudkan pembangunan Islam secara komprehensif kecuali di zaman pemerintahan Umar bin Abdul Aziz (717 M). Pembangunan Islam yang telah musnah sebelumnya ditegakkan semula oleh Umar bin Abdul Aziz selaras dengan ajaran Islam sebenar. Walau bagaimanapun, selepas pemerintahan beliau corak pembangunan mula disesuaikan dengan ideologi pemegang kuasa pemerintahan. Keadaan ini terus berlangsung hingga ke zaman moden. Makalah ini cuba menjelaskan mengapa pembangunan Islam terjejas selepas pemerintahan Khulafa al-Rasyidin hingga ke zaman moden? Makalah ini mendapati, terabainya pembangunan Islam dalam tempoh masa panjang menyebabkan ia kurang dikenali di dunia Islam. Dalam keadaan sebegini pula para pemimpin jarang-jarang yang membangun selaras dengan syariat melainkan disesuaikan dengan kepentingan pemimpin yang berkuasa. Wujudnya revolusi industri di Eropah-Barat di bawah payung sekularisme telah memenjarakan pemikiran para pemimpin dan masyarakat Islam sekaligus melumpuhkan keyakinannya terhadap kehebatan konsep pembangunan Islam. Ia menyebabkan pembangunan di Negara-negara Islam cenderung berasaskan sistem sekular berbanding sistem pembangunan Islam kerana dipandang lebih bertenaga menjayakan pembangunan.

**Katakunci:** Pembangunan Islam; Pembangunan tidak Islamik; Negara Islam; Umar bin Abdul

Aziz; Khulafa' al-Rasyidin

### Abstract

The end of the Khulafa al-Rasyidin rule, that is, Khalifah Ali, saw the Islamic development system underwent drastic changes. Almost all leaders were no longer manifesting an Islamic development comprehensively except during the time of Umar bin Abdul Aziz (717AD). The Islamic development system which had been previously destroyed was upheld by Umar bin Abdul Aziz in accordance with the teachings of Islam. However, after his reign development patterned by adapting the ideology of the rule of power holders. This situation continues until modern times. This paper tries to explain why the Islamic development system was badly affected after the Khulafa al-Rashidin rule until modern time. The findings in this paper show the abandonment of Islamic development for a long period of time has caused it to be less known in the Muslim world. In such circumstances leaders rarely develop in line with the dictates of Islamic tenets except by adapting the interests of powerful leaders. The existence of the industrial revolution in Western Europe under the umbrella of secularism had imprisoned the thoughts of the leaders and thus crippled the Muslim community confidence in the significance of the Islamic concept of development. It resulted in the development of Muslim countries to be inclined and based on the secular system as opposed to the Islamic development system which is viewed as having more success and vigour in effecting development.

**Keywords:** Islamic development; Non-Islamic development; Islamic Countries; Umar bin

Abdul Aziz; Khulafa' al-Rasyidin

## Pengenalan

Dunia Islam sekarang ini cenderung keluar daripada sistem pembangunan Islam kemudian mengamalkan sistem pembangunan sekular. Negara Islam yang cuba keluar pula daripada kepompong sekularisme menuju sistem pembangunan Islam agak sukar direalisasikan. Mengapa perkara ini berlaku? Inilah yang dibahas dalam makalah ini. Makalah ini cuba menghujahkan bahawa dua halangan paling besar yang dihadapi oleh dunia Islam menyebabkan ia cenderung mengamalkan sistem pembangunan sekular iaitu halangan historis dan serangan ideologi sekularisme. Kedua-dua elemen ini memiliki hubungan rapat yang menutup ruang bagi wujudnya pembangunan berteraskan Islam.

Halangan historis yang dimaksud adalah adanya unsur penyelewengan dalam pemerintahan terutama selepas berakhirnya pemerintahan Khulafa' al-Rasyidun. Mu'awiyah yang mengambil alih tampok pemerintahan selepas Ali bin Abi Thalib telah memulakan amalan rasuah dan mewujudkan struktur politik baru. Suasana ini telah menimbulkan perasaan cinta dunia menyebabkan kepentingan Islam kurang difikirkan secara maksimal. Serangan ideologi sekularisme pula yang dimaksud adalah wujudnya sejumlah usaha untuk merosakkan minda umat Islam dengan menawarkan sistem pembangunan samaada secara sukarela atau paksa oleh dunia Barat.

Makalah ini menumpukan kepada dasar pemerintahan dalam hubungannya dengan pembangunan berteraskan Islam yang direalisasikan di negara-negara Islam. Ia dibahagikan kepada lima bahagian. Pertama, pengenalan, kedua, sorotan teori; ketiga, fenomena pembangunan selepas pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin; keempat, serangan sekularisme Barat; kelima, realisasi pembangunan Islam di negara-negara Islam; dan keenam, kesimpulan.

Islamik atau tidaknya pembangunan dapat diteliti daripada definisi dan falsafah yang digunakan serta tujuan pembangunan yang telah diwujudkan. Elemen-emelen ini tidak boleh dipisahkan antara satu dengan yang lain dalam memastikan Islamik atau tidaknya pembangunan. Oleh itu, negara Islam yang mendakwa telah melakukan pembangunan Islam, ia belum tentu dikategorikan sebuah negara yang membangun berteraskan Islam walaupun telah menjadikan syariat Islam sebagai dasar perundangannya. Ia terpulung kepada dasar pemerintahan yang dibuat oleh pemimpin berkuasa sama ada memberi ruang kepada terealisasinya pembangunan Islam atau pun tidak.

## Pembangunan Tidak Islamik

Mengikut Al-Qaradawi (1998) bahawa bukanlah pembangunan Islam jika menonjolkan ideologi sekular, liberal, kapitalis, sosialis atau komunis sementara syariat Islam diketepikan. Bukanlah pula pembangunan Islam jika meneladani tokoh seperti Karl Marx, Vladimir Ilyich Lenin dan sebagainya pemikir Timur dan Barat sedangkan tidak menjadikan Rasulullah (s.a.w) sebagai teladan. Begitu juga, sebuah negara yang melakukan pembangunan tidak boleh dikategorikan sebagai pembangunan Islam jika meminggirkan Al-Quran dan perundangan-undangan Islam untuk dijadikan nilai dalam melaksanakan pembangunan. Tegasnya, sebuah pembangunan tidak boleh dinyatakan sebagai pembangunan Islam selagi masih mengamalkan ekonomi sosialis dan kapitalis apatah lagi meyakini ekonomi sosialis dan kapitalis sebagai sistem melangkaui sistem Islam.

Lebih jauh daripada itu, Al-Qaradawi (2000) menegaskan bahawa syariat Islam merupakan manhaj yang diciptakan Allah (s.w.t) untuk menyusun kehidupan umat berasaskan Al-Quran dan Sunnah. Pembangunan tidak boleh dikatakan membangun berasaskan Islam melainkan merujuk dan melaksanakan syariat Islam dalam segala kehidupan samaada dalam aspek ibadat dan muamalat. Umat Islam hanya berada dalam

dua pilihan iaitu membangun berasaskan syariat Islam atau peraturan jahiliyah. Mereka yang tidak suka kepada syariat Islam pasti akan terjerumus kepada peraturan jahiliyah.

Ini menandakan bahawa pembangunan tidak boleh bercampur dengan sistem bukan Islam seperti sekular, kapitalis, sosialis dan sebagainya. Wujudnya percampuran antara pembangunan Islam dan bukan Islam akan mencacatkan tujuan dan falsafah pembangunan Islam itu sendiri. Oleh itu, ia tidak boleh lagi didefinisikan sebagai pembangunan Islam disebabkan wujudnya ketidakjelasan identiti, tujuan dan falsafah yang terkandung dalam pembangunan yang telah dilaksanakan.

Oleh yang demikian, Muhammad Syukri (1990) menyatakan bahawa pembangunan Islam adalah pembangunan berasaskan kepada Keesaan Allah (ketauhidan) yang bertujuan memperoleh keredaan Allah (s.w.t) agar mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat. Untuk itulah pembangunan hanya boleh dikatakan sebagai pembangunan Islam tulin jika tidak terjebak ke dalam definisi, matlamat, falsafah dan rangka kerja yang dibentuk sistem pembangunan sekular samaada kapitalis atau pun sosialis. Selagi terjebak dengan definisi, matlamat, falsafah dan konsep pembangunan sekular selagi itulah tidak boleh dikategorikan sebagai pembangunan Islam.

Lebih tegas lagi, Muhammad Syukri (2003) menyatakan bahawa acuan pembangunan Islam tidak boleh bersumber daripada acuan falsafah klasikal yang mengamalkan sistem liberal kapitalis atau falsafah radikal yang mengamalkan sistem sosialis atau komunis. Kedua-dua falsafah pembangunan ini semata-mata bersumber daripada pemikiran sains sosial Barat berpaksikan rasionaliti dan fakta-fakta yang hanya boleh ditanggapi dengan akal fikiran. Dengan demikian, ia boleh mencacatkan sistem Islam kerana ilmu pengetahuan berasaskan pemikiran semata sangat terbatas dan selalu berubah mengikut keadaan semasa. Apatah lagi akal selalu terpengaruh oleh lingkungan,

kebudayaan, pergaulan selain pengaruh nafsu yang didorong oleh faktor peribadi, keluarga, suku, golongan, bangsa dan tanah air (Al-Qaradawi, 1998). Dengan demikian, acuan falsafah klasikal dan falsafah radikal bukan sahaja akan mencacatkan sistem Islam, tetapi juga menjejaskan akidah para pelaku pembangunan berteraskan Islam.

Namun, apa yang berlaku, negara-negara Islam sukar keluar daripada definisi, falsafah dan rangka kerja sistem pembangunan sekular yang lebih menekankan kepada kepentingan material sementara aspek spiritual diketepikan. Oleh itu, Wan Mohd. Nor (2001) menyatakan bahawa pengertian pembangunan yang kini populer di dunia Islam adalah memiliki kecacatan kerana tidak mencerminkan pembangunan Islam sebenar. Bertolak daripada fenomena ini beliau mencadangkan istilah pembangunan yang digunakan sekarang ditukar kepada istilah *islah* (kebaikan) atau pengislahan kerana ia mengandungi pengertian lebih komprehensif. Perkataan *islah* tersebut bermaksud perbuatan yang membuat sesuatu menjadi baik, betul, teratur dan adil selaras dengan nilai-nilai yang tinggi. Tindakan maju ke hadapan atau undur ke belakang, bertambah atau berkurang, giat bergerak atau tetap, dapat diambil kira sebagai *islah* jika ia menghasilkan kebaikan daripada segala segi. Ini termasuklah perbuatan meruntuhkan (meruntuhkan kezaliman) dan menghapuskan (menghapuskan kejahatan) akan dikategorikan sebagai *islah* sekiranya menghasilkan kebaikan. Elemen-elemen seperti ini merupakan intisari pembangunan Islam yang tidak terjaring dalam makna istilah pembangunan sekular.

Uniknya, konsep pembangunan sekularisme Barat ini menjadi amalan di negara-negara Islam walaupun ia tidak bersifat holistik dan komprehensif. Mengapa perkara ini berlaku? Hal ini kerana umat Islam sendiri meragukan kehebatan sistem pembangunan Islam terutamanya setelah Barat berjaya membuktikan kehebatan pembangunan fizikalnya yang berasaskan sekular. Oleh kerana Barat berjaya

membuktikan kemajuan pembangunan fizikal di bawah bendera sekularisme wujudlah pandangan keliru bahawa sekularisme memiliki keajaiban untuk menyulap bangsa menuju kejayaan.

Bagaimanapun, jika diperhalusi lagi ditemukan bahawa ramainya negara Islam mengamalkan sistem sekularisme bukan kerana sistem pembangunan ini terlalu hebat melainkan terkait dengan unsur-unsur penjajahan Barat ke atas dunia Islam. Menurut Rafsanjani (2001), walaupun negara Islam tidak lagi diduduki oleh negara penjajah tetapi ia belum memperoleh kemerdekaan sejati. Penjajahan Barat ke atas dunia Islam kebanyakannya dilakukan tidak dalam bentuk pendudukan wilayah melainkan melalui penjajahan ekonomi, pemikiran dan ideologi. Bahkan pengerahan kekuatan militer akan dilakukan jika dirasakan perlu atau keadaan terpaksa untuk mengekalkan hegemoni Barat. Maknanya, kejayaan penyebaran ideologi pembangunan sekular tersebut dilakukan melalui cara tidak adil kerana bangsa lemah terus menjadi korban kepada bangsa yang kuat.

Pada sisi lain, Ibnu Khaldun (2011) mengemukakan teori masyhur yang menegaskan bahawa bangsa terjajah cenderung menjadikan penjajah sebagai *role model* dalam pelbagai dimensi kehidupan seperti penggunaan slogan, pakaian, perilaku bahkan agama dan keyakinan ideologi. Hal ini kerana bangsa terjajah didahului oleh asumsi keliru apabila melihat penjajah yang menguasainya sebagai makhluk sempurna yang perlu dijunjung tinggi. Jika suatu jiwa dikatakan memiliki asumsi yang keliru, kemudian asumsi ini menjadi keyakinan maka ia tidak segan-segan mengadopsi pandangan hidup, teori dan falsafah pembangunan bangsa penakluk semaksimal mungkin. Peniruan bangsa terjajah kepada penakluk ibaratnya keyakinan anak-anak ke atas kesempurnaan orang tuanya dan para murid yang mengikuti guru mereka. Ia juga boleh diibaratkan rakyat mengikuti agama rajanya kerana lahirnya keyakinan mengenai kesempurnaan raja yang menguasai mereka. Dalam keadaan sebegini negara-negara Islam sukar melepaskan diri daripada

sistem pembangunan sekular disebabkan ia diyakini sebagai sistem pembangunan boleh menyerlahkan kejayaan setelah melihat pelbagai bukti empirikal betapa majunya pembangunan Barat yang berada di bawah bendera sekular. Apatah lagi setelah mengambil kira resiko yang mesti ditanggung jika sistem sekular diketepikan kemudian menonjolkan pembangunan berteraskan Islam. Ia boleh memperoleh sangsi secara tidak adil oleh Barat yang memiliki segala-gala kekuatan termasuklah kekuatan militer. Oleh yang demikian adalah wajar apabila corak pembangunan Islam di negara Islam adalah naik turun. Ia sentiasa mengikut minda dan kekuatan jiwa pemimpin berkuasa. Kalau pemimpin berkuasa cenderung kepada sistem Islam dan berani berdepan dengan cabaran kuasa luar (Barat) maka ia mewujudkan pembangunan berteraskan Islam. Sebaliknya, kalau pemimpinnya terkontaminasi dengan sekularisme Barat ia akan mewujudkan pembangunan berasaskan sekular.

### **Pembangunan Berteraskan Islam**

Idealnya pembangunan berteraskan Islam mestilah meliputi kedua-dua pembangunan fizikal (politik, pendidikan, ekonomi dan sebagainya) dan pembangunan rohani berasaskan syariat Islam supaya hidup manusia seimbang lahir dan batin. Kedua-dua pembangunan ini mestilah dilakukan secara serentak, adil dan seimbang kerana unsur jasad dan batin manusia mempunyai keperluan berbeza yang mesti dipenuhi dalam satu masa secara bersamaan. Wujudnya pembangunan tidak seimbang dan bercanggah dengan syariat akan mencatitkan bukan sahaja individu manusia dan lingkungan sekitar tetapi juga boleh menjejaskan negara.

Bertolak daripada sini, Malek (1991) menginginkan dunia Islam agar belajar daripada kegagalan pembangunan Eropa-Barat yang telah memusnahkan agama dalam membangunkan negara. Mereka dikatakan telah mencipta pelbagai teknologi moden, namun tidak mampu berdepan dengan masalah kemanusiaan disebabkan pembangunannya terpisah dengan nilai-nilai

ketuhanan. Bangsa Eropa-Barat dikatakan telah pakar dalam membuat barang mewah tetapi gagal menggunakan sebaik-baiknya di jalan benar. Akibatnya, sekarang ini umat manusia telah menyaksikan ketidakseimbangan yang dahsyat dalam peradaban Eropa-Barat kerana kehilangan nilai ketuhanan yang kini telah berada di jurang kegelapan. Oleh itu, Malek (1991) mencadangkan agar dunia Islam perlu menggabungkan sains dan kerohanian, fizik dan metafizik dalam mewujudkan pembangunan.

Pemikiran Malek (1991) ini menggambarkan bahawa beliau menghendaki agar dunia Islam mewujudkan pembangunan Islam iaitu menyepadukan pembangunan fizikal seperti pendidikan, ekonomi, politik dan sebagainya dengan pembangunan kerohanian selaras dengan syariat Islam.

Pandangan Malek (1991) selari dengan pandangan Sayid Sabiq yang menerangkan mengenai perlunya mewujudkan kesepaduan pembangunan fizikal dan pembangunan rohani selaras dengan struktur kejadian manusia yang terdiri daripada jasad dan batin. Beliau menyatakan bahawa jasad dan batin manusia mempunyai penegak masing-masing yang mesti diwujudkan. Penegak kepada jasad adalah makan, minum dan segala macam syahwat bersifat kebendaan sedangkan penegak kepada jiwa adalah keimanan kepada Allah (s.w.t), melaksanakan perintah-Nya dan sebagainya. Semua keperluan fizikal dan rohani ini mestilah diwujudkan secara adil agar lahir masyarakat yang seimbang. Untuk memenuhi impian ini pembangunan yang dilakukan mestilah berasaskan syariat Islam disebabkan bukan sahaja mengajarkan, tetapi juga memiliki sukatan yang sempurna dalam mengambilkira keperluan fizikal dan rohani manusia dengan baik dan benar.

Bagaimanapun, kata Muhammad (2002), pembangunan berasaskan syariat Islam sukar diwujudkan kerana di dunia Islam lebih kagum dengan kejayaan pembangunan model Barat yang telah meninggalkan agama. Kebolehan

Ilmu pengetahuan dan teknologi abad ke-18 dan 19 membuktikan perkara yang dianggap ghaib sebelumnya menyebabkan ramai masyarakat Barat menuduh agama mengajarkan tahayul dan khurafat yang bercanggah dengan kebenaran ilmiah. Ia menyebabkan ramai masyarakat Eropa-Barat meninggalkan agama sehingga ke hari ini. Malangnya, pandangan ini disokong oleh hampir semua pakar psikologi dan sosiologi Barat. Keadaan ini semakin mempercepat wujudnya pandangan masyarakat Barat yang menganggap bahawa abad ini adalah era ilmu pengetahuan dan teknologi serta perlunya pemusnahan agama. Agama tidak boleh mencampuri urusan pembangunan negara.

Fenomena ini berimplikasi kepada kehidupan sosial berikutan wujudnya ketidakseimbangan dalam kehidupan masyarakat Barat kerana manusia lebih terfokus kepada kepentingan material. Dunia Islam dikatakan sepatutnya tidak meniru pandangan seumpama ini kerana Islam telah menempatkan kepentingan material dan rohaniah secara adil dan seimbang untuk menciptakan kejayaan pembangunan secara hakiki.

Sebelum itu, Muhammad (1989) telah pun menegaskan bahawa segala aktiviti pembangunan yang dilakukan umat Islam sepatutnya diasaskan kepada tauhid iaitu *laa ilaha illah Allah* (tiada Tuhan selain Allah) agar memperoleh kejayaan dunia dan akhirat. Pembangunan dikatakan menjadi lebih mantap kerana kalimat tauhid ini menyandarkan secara total seluruh harapan dan ide yang tertumpu kepada Allah (s.w.t) semata. Betapa tidak, kalimat tauhid ini telah mencabut semua kuasa yang dimiliki pemegang kuasa pemerintahan. Hakikatnya, tiada kuasa lain kecuali kuasa Allah (s.w.t), tiada syariat lain selain syariat Allah (s.w.t). Para pemimpin tidak memiliki pilihan kecuali menempatkan syariat Islam pada kedudukan tertinggi dalam melaksanakan pembangunan di pelbagai bidang pembangunan politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya secara utuh.

Pembangunan sebegini diyakini lebih mudah untuk mendorong kejayaan di dunia Islam kerana adanya perlindungan, bantuan dan campur tangan Allah (s.w.t) dalam pelaksanaan pembangunan.

Apa yang nampak, Muhammad (1979) ingin menegaskan bahawa pembangunan Islam adalah pembangunan yang tidak mengambil ideologi buatan manusia sebagai panduan. Ia patut menjadikan syariat Islam sebagai tumpuan dalam mewujudkan pembangunan dalam pelbagai bidang politik, ekonomi, sosial dan sebagainya dalam rangka beribadah kepada-Nya untuk memperoleh reda Allah (s.w.t).

Hal ini selaras dengan pandangan Hasan Al-Banna (1988) yang menyatakan bahawa tidak ada pemisahan antara ibadah khas seperti solat, berpuasa dan sebagainya dengan muamalat termasuklah dalam mewujudkan pembangunan. Kalau ibadah khas memantapkan akidah dan memperelokkan akhlak maka mualamat duniawiyah dapat melicinkan tugas kemasyarakatan dan mempercantik kehidupan. Oleh itu, kedua-duanya ibadah khas dan muamalat duniawiyah masing-masing memiliki kelebihan dan kepentingan yang saling melengkapi. Umat Islam tidak memiliki alasan untuk meninggalkan ibadah khas dengan alasan mahu bekerja untuk kepentingan orang banyak atau meninggalkan tugas sosial dengan alasan melaksanakan ibadah. Sesungguhnya Al-Quran dikatakan merupakan kitab yang sempurna bukan sahaja menjelaskan tentang asas-asas akidah tetapi juga mengenai segala keperluan manusia. Selain syariat duniawi, Al-Quran juga merupakan syariat ukhrawi yang merangkumi perintah dan larangan yang bermanfaat dalam segala bidang kehidupan manusia tidak terkecuali dalam pembangunan. Bahkan Al-Quran dikatakan telah mengamanahkan kaum muslimin untuk memimpin dan mengatur dunia bagi melahirkan pembangunan Islam sebenar yakni pembangunan yang berasaskan Al-Quran dan Sunnah. Ia dilakukan untuk melahirkan kemakmuran di muka bumi yang dilaksanakan bagi memudahkan terealisasinya tujuan hidup

manusia iaitu beribadah kepada Allah (s.w.t).

Lebih daripada itu, Muhammad Rasyid (1991) juga ada menjelaskan tentang pembangunan berteraskan Islam. Beliau memulakan penghujahannya dengan menerangkan tentang perbezaan pandangan bagaimana membangun mengikut acuan Islam dengan agama lain terutamanya Yahudi, Nasrani dan Hindu. Beliau mendapati agama Islam lebih sempurna model pembangunannya berbanding agama lain. Islam dikatakan menyepadukan kedua-dua pembangunan fizikal dan pembangunan rohani dan jasmani dengan adil dan seimbang. Sementara agama lain terutamanya Yahudi, Nasrani dan Hindu lebih mementingkan pembangunan rohani sedangkan pembangunan fizikal tidak dipedulikan sama sekali. Namun, kenyataannya kebanyakan daripada mereka telah menyanggahi peraturan agamanya sendiri. Dalam erti kata lain, kalau ada kemegahan pembangunan fizikal yang wujud di negara yang dikuasai agama Yahudi, Nasrani dan agama Hindu sebenarnya berseberangan dan bukan penjelmaan daripada konsep agama mereka.


Sebaliknya, ajaran Islam kata Muhammad Rasyid (1991), mengajarkan bahawa kebahagiaan dunia dan akhirat mustahil tercapai kecuali melalui usaha pembersihan jiwa dengan iman yang benar dan membuktikan kerja nyata untuk memakmurkan bumi melalui pembangunan. Islam dikatakan bukan hanya dituntut beriman tanpa berusaha memenuhi keperluan dunia tetapi ia juga dituntut melunasi kewajipan fardhu kifayah dalam bentuk pembangunan pendidikan, politik, ekonomi dan sebagainya selaras dengan syariat. Oleh sebabnya negara Islam memerlukan pemerintahan, perundangan-undangan adil dan segala bentuk kemudahan dalam mempertahankan agama dan negara.

Ibnu Khaldun (2001) pula bapa sosiologi yang masyhur di dunia Islam dan Eropa-Barat telah membincangkan juga peradaban dan pembangunan Islam dalam perspektif sosiologi yang digali daripada syariat Islam. Menurut beliau pemerintah yang berkuasa akan

menjadi tidak akan kuat dan berjaya kecuali membangun berlandaskan syariat Islam. Bertunjangkan syariat Islam dikatakan dapat mempersatukan harapan dan cita-cita rakyatnya yang hanya boleh tercapai atas pertolongan Allah (s.w.t) setelah menegakkan agamanya. Apabila hati manusia cenderung kepada kemegahan dunia maka persaingan dan konflik akan berjalan seiring dengan pembangunan yang sedang dijalankan sehingga peradaban yang dibina mengalami kemusnahan. Oleh itu, jika pemerintah menegakkan syariat Islam kemakmuran hidup mudah diwujudkan kerana sumber alam dapat diolah sebaik yang mungkin melalui sumber manusia yang terdiri daripada pelbagai pakar dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana hubungan sosial menjadi rapat dalam kalangan masyarakat sehingga lebih mudah wujudnya kerja sama untuk memenuhi segala keperluan memandangkan adanya kesamaan harapan dan tujuan hidup iaitu ingin mengadakan diri kepada Allah (s.w.t). Oleh yang demikian adalah wajar apabila syariat Islam dapat menjadi pemangkin kepada lahirnya kemakmuran di dunia bagi manusia beriman yang bertindak sebagai khalifah Allah (s.w.t) di bumi.

Daripada beberapa pandangan mengenai pembangunan berteraskan Islam dapatlah ditegaskan bahawa pembangunan tidak Islamik adalah pembangunan yang keluar daripada landasan syariat Islam. Umpamanya, pembangunan politik, ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya yang definisi, tujuan dan falsafahnya berasaskan kepada sistem sekular, liberal dan kapitalis bukannya berasaskan syariat Islam yang telah digariskan Al-Quran dan Sunnah.

Sementara pembangunan Islam adalah pembangunan yang menjadikan Allah (s.w.t) dan Rasul-Nya sebagai sumber hukum dan panduan dalam melakukan pembangunan di pelbagai bidang politik, ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya. Kesemuanya ini dilakukan dengan tujuan beribadah kepada Allah (s.w.t) untuk memperoleh reda Allah (s.w.t). Hal ini diterangkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Konsep Pembangunan Berteraskan Islam

Rajah 1 menerangkan bahawa Allah (s.w.t) telah menciptakan manusia sebagai khalifah-Nya yang bertugas memakmurkan bumi. Dalam masa yang sama, Allah (s.w.t) juga menyediakan panduan terhadap segala aktiviti manusia tidak terkecuali dalam usaha mewujudkan pembangunan. Bagi menyempurnakan tugas memakmurkan bumi manusia mestilah mewujudkan pembangunan dalam pelbagai bidang politik, ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya berpandukan Al-Quran dan Sunnah. Pelbagai bidang pembangunan yang dilakukan itu pula diwujudkan bukan untuk keperluan dan kemegahan dunia tetapi dalam rangka beribadah kepada Allah (s.w.t) bagi mencapai reda-Nya semata.

### Fenomena Pembangunan Selepas Pemerintahan Khulafa al-Rasyidin

Fenomena pembangunan Islam mengalami perubahan secara drastik sebaik sahaja Mu'awiyah mengambil alih tampok pemerintahan menggantikan Khalifah Ali yakni Khulafa' al-Rasyidin yang terakhir. Pelbagai dasar pemerintahan yang telah diambil oleh Mu'awiyah yang dianggap boleh menguntungkan kekuasaannya. Antara dasar beliau adalah mengekalkan pentadbiran sistem tanah sawafi (tanah terbiar) khasnya di

Iraq. Ia merupakan tanah yang tidak bertuan kerana tuannya telah meninggal dunia dalam peperangan atau melarikan diri pada zaman Khalifah Umar bin Khattab. Tanah tersebut dibiarkan terus dikawal oleh penduduk tempatan. Dasar ini menarik simpati masyarakat sehinggalah Mua'wiyah berjaya mendapat sokongan penduduk Iraq (Mahayudin dan Ahmad Jelani, 1993).

Walau bagaimanapun dasar Mu'awiyah tersebut dikatakan dibuat tidak lain hanyalah untuk memperolehi sokongan politik bagi memperkukuhkan kekuasaannya. Hal ini selari dengan sifat Mu'awiyah sebenar yang sememangnya cintakan kedudukan dan kekuasaan (Hamka, 1994). Beliau sanggup melakukan apa sahaja untuk mempertahankan kekuasaan walaupun melalui cara yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti rasuah. Sebagai contoh beliau telah melakukan penawaran harta benda atau pun menawarkan pentadbiran sebuah negeri sebagai rasuah kepada mereka yang berpotensi mencabar kekuasaannya Iraq. Al Ahnaf bin Qais dan Jariah bin Qudamah yang dikenali sebagai penyokong kuat Khalifah Ali masing-masing telah diberi wang 100, 000 dirham daripada Mu'awiyah. Melalui cara ini Mu'awiyah bukan hanya berjaya mendapatkan sokongan politik, beliau juga memperoleh segala bantuan yang diperlukan (Mahayudin dan Ahmad Jelani, 1993).

Selain mengamalkan rasuah, Mua'wiyah juga telah mengasaskan sistem dinasti yakni satu sistem perlantikan pemimpin mengikut keturunan tanpa mengambil kira kemampuan seseorang dalam mengatur kehidupan dunia dan menegakkan syari'at Islam. Ia mula diperkenalkan oleh Mu'awiyah apabila beliau mengangkat anaknya Yazid bin Mu'awiyah sebagai putera mahkota untuk menggantikan beliau. Malangnya sikap Mu'awiyah telah menjadi ikutan generasi umat Islam dan menjejaskan kemurnian amalan Islam. Ringkasnya, selepas pemerintahan para Khulafa' al-Rasyidin, corak pemerintahan dan

pembangunan Islam mula bermasalah. Hal tersebut wujud secara berterusan sehinggalah kepada Dinasti Umaiyah, Dinasti Abasiyah, Dinasti Fatimiyah dan lain-lain (Ziaudin Sardar, 1990).

Keadaan ini sempat mengalami perubahan di bawah pemerintahan Umar bin Abdul Aziz (717 M), Khalifah Bani Umaiyah ke-8. Sebagai pemimpin umat, Umar bin Abdul Aziz terkenal dengan sifat kezuhudan, ketakwaan dan keadilannya. Malahan beliau dianggap sebagai salah seorang Khulafa' al-Rasyidin selain dari Khulafa' al-Rasyidin yang empat (Sayyidina Abu Bakar, Uthman bin Affan, Umar bin Khattab dan Ali bin Abi Talib). Beliau telah melakukan perubahan ke atas corak pembangunan yang diamalkan ketika di bawah pemerintahan sebelumnya. Syari'at Islam ditegakkan semula sehinggalah berjaya melakukan Islamisasi dalam pelbagai bidang termasuklah dalam bidang pembangunan (Mahayudin dan Ahmad Jelani, 1993).

Antara usaha Umar bin Abdul Aziz paling cemerlang adalah pembangunan ekonominya. Beliau telah mewujudkan pembangunan ekonomi baru yang adil mengikut sistem Islam yang terdiri dari tiga aspek. Pertama, aspek cukai tanah (*kharaj*). Seluruh tanah yang diperoleh melalui penaklukan mestilah menjadi hak milik bersama orang-orang Islam, manakala hasil tanamannya dikenakan cukai oleh Kerajaan. Tanah itu pula tidak boleh dijual beli atau diagihkan kepada sesiapa pun sama ada dalam bentuk hadiah atau kurnia.

Kedua, memperbaharui sistem cukai terutamanya cukai tanah dan cukai *jizyah*. Umar bin Abdul Aziz menghapuskan sistem cukai yang lama dan mengembalikan sistem cukai *jizyah* mengikut lunas-lunas Islam sebenar. Cukai *jizyah* hanya dikenakan kepada orang bukan Islam manakala cukai *kharaj* (tanah) dikenakan kepada sesiapa yang memiliki tanah tidak kira sama ada orang Islam atau bukan Islam. Pungutan zakat pula dikenakan hanya kepada orang Islam sahaja.



Ketiga, memansuhkan segala jenis perayaan (mahrajan), upacara-upacara perasmian Kerajaan, hadiah-hadiah kepada tetamu dan aktiviti lain yang dianggap membazirkan perbelanjaan negara (Ibid).

Daripada tiga kebijaksanaan pembangunan ekonomi ini, cukai *jizyah* (pajak perlindungan) yang mengecualikan orang Islam bukan Arab daripada membayarnya telah ditentang oleh beberapa Gabenor termasuk Gabenor Mesir. Penentangan dilakukan kerana didorong oleh andaian bahawa dasar cukai *jizyah* tersebut berkesan buruk kepada kewangan negara. Tambahan lagi sekiranya ramai orang memeluk Islam akan semakin kurangnya bilangan pembayar *jizyah*. Akibatnya, kewangan dan ekonomi negara tentulah akan terjejas (Ibid).

Namun begitu, sebagai pemimpin adil, Umar bin Abdul Aziz tetap mempertahankan keputusannya dengan memberikan amaran kepada mereka yang menentangnya. Beliau mengirimi surat secara singkat kepada para penentang yang menyatakan 'para pemerintah di bawah kekuasaannya mestilah menghapuskan *jizyah* dari orang Islam'. Sesungguhnya Allah (s.w.t) mengutus Nabi Muhammad (s.a.w) tegas beliau adalah untuk membawa petunjuk bagi umat manusia, bukannya sebagai pengutip cukai (Ibid).

Ketegasan Umar bin Abdul Aziz ini telah membawa hasil kerana pemerintah yang berada di bawah kekuasaannya menjalankan apa sahaja dasar beliau termasuklah dalam pembangunan ekonomi. Keruntuhan ekonomi sebagaimana yang dijangka sebelumnya jika menghapuskan *jizyah* dari orang Islam seperti dinyatakan oleh penentangnya tidak wujud sama sekali. Bahkan Umar bin Abdul Aziz telah membawa kejayaan cemerlang walaupun ketika itu bilangan orang yang memeluk Islam adalah sangat ramai. Beliau tidak hanya berjaya mewujudkan kemakmuran jasmaniah tetapi juga kemakmuran rohaniah (iman dan takwa) masyarakatnya. Berbekalkan iman dan takwa inilah orang-orang kaya dapat hidup aman dan makmur, manakala orang-orang

miskin pula cukup terjamin hidupnya. Oleh kerana terjaminnya hidup orang-orang miskin maka agak susah mencari orang fakir dan miskin untuk diberikan zakat. Malah, ramai orang kaya hidup dalam keadaan makmur yang ingin membayar zakat tetapi sangat sukar mencari orang yang patut menerimanya (Muhammad Syukri, 2000).

Tindakan Umar bin Abdul Aziz ini sedikit sebanyak telah berjaya menyedarkan sebahagian ahli keluarga Bani Umayyah yang sebelumnya terdidik dengan dasar perkauman. Walau bagaimanapun, sifat perkauman dan ego sememangnya sukar dihapuskan sepenuhnya dan masih lagi diamalkan oleh sebahagian ahli keluarga Bani Umayyah. Antaranya ialah Yazid bin Malik, pengganti Umar bin Abdul Aziz yang meninggal dunia pada tahun 720 M.

Selepas memegang pemerintahan baru, Yazid bin Abdul Malik telah menghapuskan sistem Islam yang telah dibina oleh Umar bin Abdul Aziz. Selain mewujudkan semula diskriminasi terhadap kaum bukan Arab, beliau juga telah memberhentikan para gabenor dan pegawai yang dilantik oleh Umar bin Abdul Aziz dan mengangkat pegawai baru mengikut perkauman (Ibid).

Oleh itu, nampaklah bahawa wujud atau tidaknya pembangunan Islam dalam negara Islam adalah ditentukan oleh pemegang kuasa pemerintahan. Ia bergantung kepada falsafah dan minda para pemimpin yang memegang tampok pemerintahan. Selepas itu, ia kemudian diikuti oleh para pegawai dan seterusnya menjadi budaya dan amalan masyarakatnya.

Lazimnya, pemimpin mampu menentukan pemikiran, perilaku dan ideologi masyarakatnya sesuai dengan kehendak pimpinannya. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa sikap dan pemikiran seorang pemimpin dapat menjadi amalan masyarakat umum walaupun pada mulanya hanya menjadi ikutan oleh para pegawainya sahaja. Pada zaman Khalifah Walid bin Abdul Malik umpamanya

kebanyakan rakyatnya menyukai kegiatan berkebun dan membina taman-taman indah mengikut kegemaran Khalifahnya. Di zaman Sulaiman bin Abdul Malik pula rakyat banyak menghabiskan masa dengan jamu-jamuan yang juga merupakan kegemaran Khalifah mereka. Berbeza ketika zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz, rakyat banyak terbabit dalam pelbagai aktiviti keagamaan, pendidikan dan kebajikan bersama mengikut jiwa Khalifah yang dikenali sebagai pemimpin yang adil dan bertakwa (Wan Mohd. Nor, 2001).

Hal ini menyebabkan pelaksanaan pembangunan Islam menjadi turun naik mengikut minda pemerintah yang berkuasa. Kebanyakan pembangunan Islam selepas pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin tidak dilaksanakan dengan baik. Prinsip-prinsip Islam sebenar jarang dikaji dan dilaksanakan, sehingga Islam dipandang tidak relevan lagi dengan pembangunan negara mengikut keadaan semasa. Fenomena ini turut diwarisi dan mempengaruhi minda para pemimpin di dunia Islam pada zaman moden selepas negara-negara Islam memperoleh kemerdekaan masing-masing. Terdedahnya suasana seperti ini di dunia Islam memicu lahirnya pemimpin dan masyarakat yang mengabaikan pembangunan Islam. Ia sekaligus memperlicin usaha Barat dalam menyebarkan dan menaklukkan dunia Islam melalui ideologi sekular.

### **Serangan Sekularisme Barat**

Sebelum ini telah digambarkan bahawa pelaksanaan pembangunan Islam menjadi turun naik menyebabkan terdapatnya pangabaian pembangunan Islam oleh para pemimpin dunia Islam sejak kejatuhan pemerintahan Khulafa al-Rayidin hingga ke zaman moden. Keadaan berpanjangan ini mengakibatkan sistem pembangunan Islam kurang dikenali dan seterusnya dunia Islam mula meniru sistem pembangunan sekular yang anti Islam. Ia berlaku terutamanya setelah zaman renaissance berpusat di Perancis yang mencetuskan kebangkitan sains dan teknologi.

Revolusi industri yang lahir di Barat tersebut telah memenjarakan pemikiran dan psikologis dunia Islam. Kebangkitan Barat ini merupakan permulaan umat Islam untuk menjunjung tinggi segala sesuatu yang datang daripada Barat tidak terkecuali sistem pembangunan sekularnya. Umat Islam memandang bahawa kemajuan yang dicapai Barat adalah produk daripada ideologi sekularnya yang mengedepankan kehebatan akal dan memisahkan agama dalam kehidupan. Oleh yang demikian, tidak hairan jika dunia Islam memandang rendah diri sendiri dan mengangga sistem pembangunan Islam (*in-periority complex*) merupakan sistem pembangunan yang tidak progresif (Muhyiddin, 1995).

Suasana ini digunakan oleh Barat untuk menjadikan Islam sebagai sasaran terbuka dalam mengeksplot sekularisme melalui pemikiran, kebudayaan, peradaban, seni, konsepsi, epistemologi, metodologi dan tradisi Barat. Lanjutan daripada ini pemikiran dan kebudayaan Islam telah mengalami kebekuan yang menyebabkan hampir seluruh teori ilmu pengetahuan umat Islam menjadi Barat (Al-Alawi, 1995).

Umat Islam kurang menyedari bahawa kemajuan pembangunan sebenar boleh dicapai dengan berasaskan iman dan takwa. Perkara ini boleh dikesan melalui jejak sejarah kebangkitan peradaban dunia terutamanya di Mesir dan Babilon. Allah (s.w.t) telah mengajarkan kepada manusia bahawa iman boleh berjalan seiring dengan kemajuan pembangunan apabila Dia mengutus para Nabi dan Rasul sebagai pembawa wahyu sekaligus sebagai peneraju ilmu pengetahuan dan teknologi.

Hal ini telah diterangkan oleh Abdul Rahman (2010) bahawa revolusi ilmu pengetahuan pertama di dunia adalah berasal di dunia Timur iaitu di Mesir dan Babilon yang diasaskan oleh para Nabi dan Rasul itu sendiri, bukan di dunia Barat. Ia dimulakan oleh Nabi Adam yang telah diberi ilmu pengetahuan luas oleh Allah (s.w.t). Nabi Adam kemudian mengajar

menulis dan ilmu-ilmu teknikal kepada anaknya terutamanya Syith yang kemudian juga menjadi nabi. Nabi Syith ini pula menjadi guru kepada Nabi Idris yang dilahirkan di Babilon tetapi selepas itu berpindah ke Mesir. Nabi Idris inilah sebagai pengasas dan mengembangkan ilmu geometri, astronomi dan perubatan di Babilon dan Mesir. Setelah meninggalkan Babilon, Ilmu Nabi Idris kemudian dikembangkan oleh al-Hasib Karimuddin bin Daniel. Daniel ini pula dikatakan sebagai seorang nabi yang terkenal melalui kitabnya tentang mimpi-mimpi yang simbolik khasnya tentang penindasan kaum Yahudi (Abdul Rahman, 2010).

Secara langsung atau pun tidak, perkara ini mencerminkan bahawa ilmu pengetahuan dan teknologi mestilah didudukkan 'satu atap' dengan wahyu. Kedua-duanya saling menyokong antara satu dengan yang lain untuk menyempurnakan tugas manusia sebagai hamba dan khalifah Allah (s.w.t) di atas bumi.

Bagaimanapun, serangan dahsyat sekularisme ini Barat tersebut telah berjaya menimbulkan keragu-raguan kerana realitinya Barat telah membuktikan kejayaannya daripada segi kemajuan lahiriah dalam pelbagai bidang. Ia telah telah menimbulkan implikasi negatif apabila sebahagian besar ilmuwan dan para pemimpin di dunia Islam menganggap ideologi Barat adalah lebih benar seperti yang berlaku ke atas negara Asia dan Afrika. Malangnya, serangan sekularisme ini pula seringkali dilakukan secara paksa. Sekiranya sejumlah intelektual dan pemimpin Islam melakukan revolusi menuju kebangkitan pembangunan berteraskan Islam, negara kuasa besar Barat akan menolak dan membuat sebuah kudeta untuk menukar kepada orang yang mindanya telah dibaratkan (Rafsanjani, 2001).

Keadaan ini berimplikasi besar kepada dasar pemerintahan yang dilakukan oleh pemimpin Islam di dunia Islam apakah akan mengasaskan pembangunannya kepada sistem Islam atau kepada ideologi sekular Barat. Oleh itu, polarisasi konsep dan pemikiran di dunia Islam

dalam mewujudkan pembangunan di zaman moden sukar dielakkan.

### **Realiasi Pembangunan Islam di Negara-Negara Islam**

Gejala turun naiknya pembangunan Islam seperti yang dihuraikan sebelum ini menjadi warisan terhadap pelaksanaan pembangunan Islam di peringkat negara. Ia dapat dilihat daripada negara Islam yang telah menerima Islam sebagai agama rasmi negara atau pun telah mengisytiharkan syari'at Islam sebagai dasar undang-undang negara. Hampir kesemuanya negara Islam sekarang ini mewujudkan pembangunan yang tidak Islamik (berasaskan sistem sekular) kerana ia mengikut falsafah pemerintah yang berkuasa seperti negara Libya, Malaysia, Syria dan Jordan yang telah meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Begitu juga dengan Iran, Pakistan dan Arab Saudi yang telah mengisytiharkan syari'at Islam sebagai dasar undang-undang negara.

Negara Pakistan umpamanya, setelah merdeka pada tahun 1947 telah cuba mewujudkan sistem pemerintahan Islam di bawah pemerintahan Presiden Ali Jinnah. Pakistan ketika itu, berjaya melaksanakan Islamisasi dalam segala aspek pembangunan meskipun masih wujud pelbagai masalah dalaman di negaranya. Usaha beliau ini telah menjadi batu asas kepada wujudnya Pakistan sebagai sebuah Republik Islam pada tahun 1949 (Ibrahim, 2000). Namun begitu, usaha yang telah dilakukan beliau berubah sepenuhnya seiring dengan perubahan kuasa pemerintahan. Zulfikar Ali Bhutto yang menggantikan Ali Jinnah telah memperkenalkan sistem sosialisme dan sekularisme di Pakistan pada tahun 1970-an.

Walau bagaimanapun, Islamisasi di Pakistan kembali semula setelah Zia ul Haq berjaya mengambil alih pemerintahan (1977-1988) melalui rampasan kuasa daripada Zulfikar Ali Bhutto pada tahun 1977. Beliau membentuk semula pemerintahan Islam dengan mewujudkan antara lain ekonomi Islam untuk menggantikan

nilai-nilai Barat yang disemai oleh pemerintahan Zulfikar Ali Bhutto sebelumnya. Zia ul Haq juga memperkenalkan sistem zakat, penghapusan sistem cukai pendapatan, sistem bank Islam dan disusuli kebijakan penghapusan bunga untuk pinjaman bank pada tahun 1985 (Ibrahim Warde, 2000). Namun begitu, ketika Pakistan berada di bawah pemerintahan Nawaz Shariff (1990-1993) dan Benazir Bhutto (1993-1997), sistem perbankan Islam ditukar semula kepada sistem konvensional. Keadaan ini terus berlaku ketika Pakistan berada di bawah pemerintahan Pervez Musharraf (1999-2008) dan pemerintahan Asif Ali Zardari (2008) hingga kini. Akhirnya, pembangunan Islam yang diperkenalkan sebelumnya semakin terjejas.

Di Iran pula, pemerintahan Ayatollah Khomeini (1979-1981) telah cuba melakukan pembangunan Islam selepas berjaya merampas kuasa daripada pemerintahan sekular Shah Pahlavi melalui satu revolusi. Ayatollah Khomeini telah cuba memperkenalkan bentuk pemerintahan Islam melalui suatu ajaran yang dikenali sebagai '*Vilayat-e-Fakih*'. Ajaran '*Vilayat-e-Fakih*' ini mengandungi empat intisari. Pertama, menolak bentuk pemerintahan monarki kerana dipandang bercanggah dengan ajaran Islam. Ia juga dalam masa yang sama dianggap sebagai punca kemunduran Iran sepanjang 2,500 tahun lamanya; kedua, ia cuba memperkenalkan bentuk negara Islam yang berasaskan kepada Al-Quran seperti yang telah dibina oleh Rasulullah s.a.w. dan para Khulafa' al-Rasyidin (abad ke 7); ketiga, ia menggariskan syarat yang layak bagi seorang pemimpin yakni mestilah berlaku adil dan memahami hukum Islam secara mendalam. Dalam konsep '*Vilayat e Fakih*', perkara ini disifatkan sebagai ciri sebenar bagi seorang pemimpin sejati; dan keempat, pemimpin mestilah bertanggungjawab kepada pengikutnya agar aktif bekerja untuk menghapuskan segala sistem yang belum Islamik dalam pembangunan negara (Bakhash, 1985).

Dalam aspek pembangunan ekonomi pula, Iran menggunakan pendekatan yang dikenali sebagai '*Divine Harmony*'. *Divine Harmony*

ini mengandungi tiga inti utama. Pertama, ia cuba mempamerkan hakikat sebenar bahawa Islam memiliki falsafah ekonomi tersendiri yang berlainan dari kapitalisme dan marxisme. Ia memperkenalkan kemampuan sistem ekonomi Islam dalam menyelesaikan segala permasalahan mengikut keadaan semasa; kedua, ia menggambarkan mengenai Islam sebagai agama yang memiliki komitmen sepenuhnya terhadap kesejahteraan sosial dan keadilan dalam pengagihan sumber-sumber ekonomi; dan ketiga, ia menghuraikan tentang sistem dan doktrin-doktrin ekonomi secara sistematik yang bersumber daripada Al-Quran dan huraian para pakar hukum Islam (Ibid).

Walau bagaimanapun, pembangunan Islam yang diperkenalkan Iran ini tidak kekal lama. Ia telah mengalami perubahan ketika berada di bawah pemerintahan Hashemi Rafsanjani (1982-1988) dan seterusnya di bawah pemerintahan Muhammad Khatami (1989-1997). Amuzegar (1993) telah menghuraikan perkara ini dengan panjang lebar. Menurut beliau, pada mulanya corak pembangunan Iran ditukarkan kepada *Soviet-Indian* dan pada tahun 1989 ditukarkan kepada model *China Saudi*. Tepatnya, Iran telah kembali semula kepada corak pembangunan yang lama yang dikenali di Iran sebagai *Westoxication*.

Selepas Iran pula di bawah pemerintahan Ahmadinejad sejak tahun 2005 hingga kini Iran belum memperlihatkan tanda yang meyakinkan mengenai kebangkitan pembangunan Islam sebagaimana yang ditunjukkan oleh Ayatollah Khomeini. Tidaklah dinafikan hebatnya kritikan Ahmadinejad terhadap sistem kapitalisme yang dikatakan sebagai punca kepada wujudnya peperangan, penderitaan dan kesengsaraan manusia di muka bumi. Bahkan beliau menyerukan agar dunia kembali kepada pola fikir ilahiyah (ketuhanan) (CNN Wire Staff, 2010; Izmi.wordpress.com, 2009; dan Eramuslim, 2009). Begitu juga, Ahmadinejad menyerukan penegakkan keadilan, mengurangi kesenjangan antara kelas-kelas sosial dan sebagainya (Islami, 2010).

Namun, beliau sendiri belum memperlihatkan model pembangunan Islam yang tegas dalam pelaksanaan pembangunan.

Oleh yang demikian Reza (2012) menyatakan bahawa syariat Islam di Iran baru di peringkat kosmetik belaka. Tegasnya, Iran belum memperlihatkan tanda-tanda mengenai wujudnya kebangkitan pembangunan Islam seperti ketika Iran di bawah pemerintahan Ayatollah Khomeini sepertimana yang diperkenalkan Ayatollah Khomeini, bapak revolusi Islam Iran tahun 1979.

Di Sudan pula, pembangunan Islam pernah dilakukan di bawah pemerintahan Jaafar Al-Neimeiri (1969-1985). Ia diwujudkan empat tahun selepas beliau berkuasa. Proses Islamisasi ini diawali dengan pembentukan satu Jawatankuasa yang bertugas mengkaji semula peraturan-peraturan Sudan sedia ada untuk ditukarkan kepada sistem Islam. Usaha ini mencapai kemuncaknya pada tahun 1983 dengan terlaksananya hukum Islam yang dikenali sebagai *September Laws* (Undang-Undang September). Antara program yang paling awal dilakukan ialah sistem hudud, kemudian perbankan Islam menggantikan sistem perbankan konvensional diikuti dengan satu dasar mengharamkan sistem bunga bank. Satu lagi usahanya ialah melaksanakan sistem zakat menggantikan sistem cukai sebelumnya.

Selepas Jaa'far Al Neimeiri digulingkan pada tahun 1985, Sadiq Al Mahdi mengambil alih kuasa pemerintahan melalui pilihan raya yang dilaksanakan pada 1986. Corak pembangunan Sudan di bawah pemerintahan Sadiq Al Mahdi mengalami perubahan secara drastik apabila beliau menghapuskan pelaksanaan syari'at Islam yang telah direalisasikan sebelumnya. Lebih jauh daripada itu, beliau telah mengembalikan semula sistem pengadilan kriminal mengikut model tradisi *British Indian* (Ibrahim, 2000).

Bagaimanapun, corak pembangunan Sudan di bawah pimpinan Umar Hasan Al Bashir yang merampas kuasa dari Sadiq Al Mahdi

pada tahun 1989 telah mengalami perubahan. Pembangunan Islam yang telah terjejas di bawah pemerintahan Al-Mahdi cuba dipulihkan semula oleh Sadiq Al Mahdi. Namun begitu, sesetengah pihak menganggap usaha Umar Hasan Al Bahsir ini hanyalah strategi politik yang bertujuan untuk mengekalkan kekuasaan pemerintahannya (M-Siraj, 2002).

Hal ini dapat dilihat daripada tindakan Umar Hasan Al Bashir. Beliau cuba mengganti seratus orang hakim yang berpendidikan barat dengan staf (*cleric*) yang berpendidikan Islam tradisional. Dalam hal ini jurutulis yang bertindak sebagai pengganti hakim yang hanya mendapat pendidikan Islam tradisional tersebut tidak mempunyai keupayaan untuk menguasai perkembangan isu-isu semasa. Oleh itu, mereka sangat sukar melaksanakan tugas sebagai hakim yang profesional dalam bidangnya. Hakikatnya, pelaksanaan Islamisasi seperti yang dijanjikan oleh Umar Hasan Al Bashir terutamanya dalam aspek perundangan tidak dapat menyumbang kepada penegakan pembangunan perundangan Islam di Sudan.

Bahkan perubahan yang dilakukan dalam aspek undang-undang cuba diperkemas oleh Bashir untuk dijadikan tapak pelancar dalam mengekalkan kekuasaannya. Usaha beliau telah berhasil apabila institusi kehakiman yang telah disusun tidak memiliki kekuatan untuk mencabar kekuasaan pemerintahan Bashir. Hal ini digunakan oleh beliau untuk mengharamkan semua parti politik menjelang pilihanraya pada tahun 1996, sehinggalah Bashir berjaya memenangi pilihan raya tersebut dan dilantik semula sebagai Presiden tanpa melalui pertandingan yang hebat.

Apa yang berlaku di negara-negara di atas berbeza dengan apa yang berlaku di Turki. Walaupun Turki adalah bekas Empayar Uthmaniyah tetapi ia langsung tidak mengamalkan pembangunan Islam. Sebaliknya Turki telah muncul sebagai negara orang Islam yang paling menonjol diperintah dengan sistem sekular. Pemerintah Turki telah berjaya mewujudkan segala

rancangan sekularnya walaupun pada awalnya ia dilakukan secara paksa oleh pemimpinnya, Mustafa Kamal Atatürk (1923). Kamal Atatürk percaya rakyat Turki akan terus mundur jika fikiran dan tindakannya selalu dikawal oleh hukum halal, haram, makruh, sunat atau harus. Kemajuan katanya akan hanya wujud di Turki apabila negara itu dipisahkan sepenuhnya daripada ikatan agama. Dengan demikian Turki akan bebas membangun tanpa terikat oleh nilai-nilai Tauhid, syari'at dan akhlak Islamiyah (Al-Aziz, 1998).

Atas sebab itulah langkah pertama yang diambil oleh Kamal Atatürk ialah menghapuskan Islam sebagai agama rasmi Turki. Kemudian beliau mengorak langkah melaksanakan program mengikut agenda yang dikehendakinya. Bagi Kamal Atatürk, agama hanya patut diamalkan secara individu dan tidak boleh mencampuri urusan pentadbiran negara. Ringkasnya, Turki harus menjadi barat sama ada secara lahiriah atau pun batiniah. Hal ini selari dengan slogan yang sentiasa diucapkannya, *garbie doegroe*, iaitu berarak menuju barat. Sebagai pengasas sekularisme Turki, Kamal Atatürk telah berjaya mencapai matlamatnya dan sistem yang dibina ini terus hidup meskipun beliau telah lama meninggal dunia (Ibid).

Walaupun demikian, pada masa kebelakangan ini umat Islam Turki sedikit sebanyak telah mengalami perubahan yang bermula di bawah pemerintahan Necmettin Erbakan yang berkuasa tahun 1995. Ia ditandai dengan ramainya ahli jamaah di masjid-masjid dengan pelbagai peringkat usia, wujudnya kembali madrasah-madrasah Al-Quran, ma'had-ma'had bagi para imam dan khatib, tersebarlah buku-buku Islam dan sebagainya (Al-Qaradawi, 1999). Walaupun demikian, pihak tentera kemudian merampas kuasa pada tahun 1997 kerana Necmettin Erbakan dipandang ingin merubah sistem sekularisme Turki secara radikal. Beliau juga telah dituduh melanggar Undang-Undang Turki Perkara 163 yang mengharamkan sebarang usaha untuk menghubungkan aktiviti ekonomi dan politik dengan prinsip-prinsip Islam (Ibid).

Walaupun bagaimanapun, selepas rampasan kuasa tersebut sokongan kepada sistem Islam semakin bertambah kuat. Ia ditandai melalui hasil keputusan pilihanraya Turki pada tahun 2002 dimenangi oleh parti yang berhaluan Islam yang dikenali sebagai Parti Keadilan dan Pembangunan (AKP) di bawah pimpinan Recep Tayyip Erdoğan (selepas ini akan disebut Erdoğan sahaja). Peristiwa ini telah mengejutkan dunia bagaimana Turki yang sebelumnya sekular tulin telah diperintah oleh parti Islam. Sebagai sebuah Parti Islam, AKP berhasrat menghapuskan asas sekularisme Turki dan menukarkannya kepada sistem Islam. Asas sekularisme yang bertapak di Turki selama hampir satu abad dikatakan mesti dibasmi habis-habisan. Ia telah membawa umat kepada malapetaka yang besar kerana telah memerangi nilai-nilai keTuhanan. Akibatnya, ia mewujudkan keburukan akhlak dan menyuburkan amalan rasuah (Pan, 2003).

Usaha untuk mengembalikan Turki kepada sistem Islam di bawah pemerintahan Erdoğan mendapat sokongan pelbagai pihak termasuk golongan akademik. Mereka mewujudkan satu gerakan baru yang cuba memberikan kebebasan kepada wanita untuk memakai tudung di sekolah atau di tempat umum. Walaupun demikian pun, masih terlalu awal memberikan penilaian sama ada sistem Islam di Turki akan berjaya ditegakkan atau pun tidak. Dua kekuatan di Turki iaitu kalangan birokrat dan tentera yang menentang reformasi tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Khususnya pihak tentera menganggap diri mereka sebagai penjaga tradisi sekularisme memaksa Erdoğan bersifat lebih toleran sehingga agenda sistem pembangunan Islam di Turki berjalan lambat. Ini menimbulkan kritikan kepada Erdoğan daripada pemilih parti AKP, terutamanya bagi mereka yang tidak sabar ingin melihat sistem Islam di Turki berlaku dalam masa yang singkat.

Beberapa pengkritik menyatakan bahawa parti AKP telah kehilangan kredibilitinya kerana pemerintahan Erdoğan gagal melakukan usaha Islamisasi. Akibatnya, parti ini mungkin akan diasingkan oleh pemilihnya suatu masa nanti.

Lebih jauh dari itu, Erdogan telah dijangka akan berhenti memerintah kerana selain dianggap terlalu berhati-hati, beliau juga tidak mampu melawan tentera, bahkan tidak sanggup memenuhi tuntutan para penyokongnya secara signifikan. Dalam keadaan rumit ini, Erdogan terpaksa bertolak ansur dalam mengambil tindakan. Beliau belajar dari pengalaman tahun 1997 apabila tentera merampas kuasa daripada pemerintahan Necmettin Erbakan yang dikatakan cuba mewujudkan sistem Islam. Belajar dari pengalaman ini, Erdogan menjadi berhati-hati dan mengambil langkah secara perlahan. Bagi Erdogan, sistem sekularisme di Turki boleh direformasi dalam masa paling kurang sepuluh tahun lamanya. Perubahan dikatakan tidak akan wujud dengan mudah dan ia memerlukan kesabaran kerana arus sekularisme masih terlampau kuat (Ibid).

Di Malaysia pula, meskipun Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan, tetapi ia juga tidak memberi kesan menyeluruh dan bersepadu ke atas kedudukan Islam dalam pentadbiran dan sistem berkerajaan. Hal ini ditunjukkan daripada senario pembangunan Malaysia yang bermula dengan pemerintahan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn hinggalah kepada pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Hampir keseluruhannya memberi keutamaan kepada proses pembangunan ekonomi negara. Dalam tempoh itu pembangunan Malaysia diasaskan kepada pendekatan falsafah liberal-kapitalis (Idris, 1997).

Walaupun bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa Perdana Menteri Mahathir Mohamad pada dekad 90-an telah cuba menerapkan dasar Islamisasi dalam pelbagai aspek pendidikan, sosial, politik dan ekonomi. Ia menyebabkan pelbagai organisasi Islam yang sebelumnya bersifat radikal dan konfrontatif berubah menjadi toleran dan kompromis. Ini bermula sejak tahun 80-an apabila Anwar Ibrahim menjadi Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) mengambil keputusan memasuki Parti Pemerintah UMNO sehingga beliau berjaya

menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Keadaan ini berjaya menyejukkan suasana dengan berubahnya sikap pergerakan Islam terutamanya oleh dua organisasi Islam terkemuka, iaitu ABIM dan Jemaah *Islah* Malaysia (JIM). Begitu juga dengan parti pembangkang di Malaysia seperti Parti Islam se-Malaysia (PAS). Kritikan mereka terhadap pemerintah tidak lagi sekeras dua dekad sebelumnya (Muhammad Syukri dan Masudul, 1999). Malahan organisasi-organisasi Islam ini yang sebelumnya bersikap radikal dan konfrontatif telah mengambil bahagian secara intensif dalam membantu pemerintah mewujudkan Islamisasi dalam pelbagai aspek pembangunan.

Sebetulnya, pertubuhan-pertubuhan Islam terutamanya ABIM memandang bahawa masuknya Anwar Ibrahim ke dalam UMNO bukan sahaja satu kenyataan yang patut disyukuri, malah juga menunjukkan bahawa penegakan pembangunan Islam akan wujud tidak lama lagi. Selain menganggap Islamisasi pembangunan lebih laju selepas kemasukan Anwar ke dalam UMNO, pertubuhan-pertubuhan ini juga menganggap Anwar Ibrahim hanya memerlukan satu tahap sahaja lagi untuk menjadi Perdana Menteri. Hakikatnya, pertubuhan-pertubuhan Islam ini cukup optimis akan wujudnya sistem Islam apabila Anwar Ibrahim memiliki kuasa pemerintahan secara sepenuhnya suatu masa nanti.

Walau bagaimanapun, ABIM, JIM, dan PAS kemudiannya menarik semula sokongannya kepada pemerintah dan kembali mengambil sifat konfrontasional kerana jatuhnya Anwar Ibrahim daripada pemerintahan dan dikeluarkannya beliau daripada UMNO. Peristiwa ini menunjukkan bahawa pembangunan sistem Islam yang telah dijangkakan oleh pertubuhan Islam gagal mencapai matlamat yang telah dibayangkan sebelumnya.

Satu lagi usaha yang cuba diwujudkan di bawah pemerintahan Mahathir Mohamad ialah

wawasan 2020 yang diperkenalkan pada Sidang Pertama Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991 di Kuala Lumpur. Ia amat popular dikenali sebagai konsep pembangunan yang mahu menjadikan Malaysia maju dalam segala aspek. Tepatnya, wawasan 2020 merupakan kerangka pembangunan menyeluruh dan bersepadu dengan pembangunan kerohanian dan kejiwaan.

Namun begitu banyak pihak merasakan Wawasan 2020 ini amat sukar mencapai matlamatnya memandangkan Kerajaan tidak berupaya menukarkan falsafah pembangunan Malaysia yang berasaskan sistem kapitalis kepada sistem pembangunan Islam secara sepenuhnya. Usaha kerajaan juga belum menunjukkan sebarang usaha yang meyakinkan untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan material dengan kerohanian (Idris, 1997).

Ini antara lain dapat dilihat daripada sistem pendidikan Malaysia. Meskipun telah dilakukan penggubalan dari segi falsafahnya pada tahun 1998 yang dikatakan untuk melahirkan pelajar yang berakhlak mulia, namun sistem pendidikan Malaysia masih tetap terkongkong dengan falsafah pendidikan sekularisme barat. Pada realitinya pendidikan kerohanian dan akhlak belum dilakukan secara maksima sehingga para pelajar tidak dapat menghayati ajaran agama yang sebenar. Sistem pendidikan seumpama ini sama ada sebelum atau selepas merdeka telah melahirkan manusia yang hanya mengejar kebendaan semata (Mustaffa, 1994). Akibatnya, keruntuhan akhlak dikatakan semakin menjadi-jadi, bahkan mula sampai ke tahap yang membimbangkan seperti perilaku jenayah yang mengorbankan nyawa, dadah dan pencabulan penghormatan dan sebagainya. Malangnya, perilaku ini pula telah sanggup dilakukan oleh anak-anak belasan tahun.

Munculnya gejala ini telah cuba dibaiki oleh pelbagai pihak sama ada Kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) secara agak serius. Bahkan gejala ini sering juga diperbincangkan melalui seminar, forum, diskusi dan sebagainya.

Ibu bapa pula digesa supaya mendidik anak secara lebih serius sambil menunjukkan sikap teladan sebaik mungkin. Para guru selain dikehendaki memberikan pelajaran agama, juga diarahkan agar mendidik dan membimbing pelajarannya. Usaha ini menunjukkan wujudnya satu kesedaran membaik pulih keadaan ini supaya menjadi lebih baik daripada keadaan sebelumnya. Persoalannya, perhatian tidak ditumpukan kepada pencetus utama timbulnya gejala tersebut iaitu falsafah pembangunan Malaysia yang berasaskan kepada liberal-kapitalis. Sebaliknya falsafah pembangunan yang diutamakan ialah falsafah kemajuan fizikal/material (Idris, 1997). Tepatnya, kemajuan fizikal/material dianggap perkara paling utama dalam pembangunan sesuatu negara.

Nampaknya corak seperti ini juga diterapkan dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Malaysia dikatakan telah berjaya melonjak ke hadapan terutamanya sebelum wujudnya krisis kewangan tahun 1997 yang melanda dunia baru-baru ini. Keluaran Negara Kasar (KNK) dan pendapatan per kapita dikatakan mengalami peningkatan. Di samping itu, pelbagai agenda industrialisasi, penguasaan sains dan teknologi dan sebagainya sentiasa diperkenalkan. Ini ditambah lagi dengan upaya memajukan prasarana seperti jalan raya, elektrik, telefon perumahan dan sebagainya yang semakin dipergiatkan dengan pengorbanan perbelanjaan yang besar. Namun, program pembangunan materila nampak lebih laju berbanding dengan pembangunan kerohanian.

Program pembangunan kerohanian sememangnya telah dilakukan yang bertujuan mengimbangi pembangunan kebendaan. Misalnya pembinaan masjid, surau, sekolah agama dan sebagainya. Namun, pada masa yang sama Kerajaan dikatakan tetap memberi banyak lesen untuk membuka kelab-kelab malam, kedai nombor ekor dan penjualan arak dan sebagainya (Ibid). Secara sepintas lalu corak pembangunan ini nampak indah kerana boleh meningkatkan pendapatan negara. Namun, implikasinya sangat berbahaya kerana akan menjejaskan perilaku



dan jiwa masyarakat. Dengan demikian, ia berpotensi menghancurkan pembangunan material yang telah dicapai selama ini. Apatah lagi pembangunan kerohanian dikepong oleh falsafah pembangunan sekularisme barat. Tentu ia mudah merusak perilaku dan moraliti kerana jiwa masyarakat sentiasa terdedah kepada perkara negatif, maksiat dan dilingkari dengan penyakit sosial lainnya.

Jelasnya, ini kurang selari dengan konsep Wawasan 2020 yang ingin mewujudkan kemajuan dari segala segi dan bersepadu antara pembangunan ekonomi, politik, sosial dengan kerohanian dan kejiwaan. Ini merupakan akibat dari falsafah pembangunan Malaysia yang belum lagi terlepas dari falsafah liberal-kapitalis.

Falsafah pembangunan Malaysia sebegini terus kekal di bawah pemerintahan Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009) dan pemerintahan Muhammad Najib Tun Abdul Razak, (2009) hingga kini. Walaupun Abdullah Ahmad Badawi melahirkan konsep pembangunan yang dikenali sebagai Islam Hadhari dan Muhammad Najib Tun Abdul Razak melahirkan konsep pembangunan yang dikenali sebagai Satu Malaysia. Namun begitu, falsafah pembangunan Malaysia yang cenderung kepada liberal-kapitalis tersebut tidak pernah dirombak semula kepada sistem Islam sebenar.

Padahal sebuah pembangunan boleh berjaya diwujudkan secara bersepadu jika falsafah pembangunan diubah secara total mengikut sistem Islam sepenuhnya. Pembangunan Islam tidak akan pernah wujud secara menyeluruh dan bersepadu antara pembangunan fizikal dengan pembangunan kerohanian kecuali dilakukan mengikut falsafah, premis, konsep dan epistemologi Islam itu sendiri (Muhammad Syukri, 1987).

Keadaan di Malaysia ini agak sama dengan apa yang berlaku di Indonesia. Indonesia telah cuba memperjuangkan pelaksanaan syari'at Islam pada tahun 1945 ketika hendak menentukan asas

negara sama ada akan mengikut sistem sekular atau asas Islam. Golongan Islam pada 22 Jun 1945 berjaya memperjuangkan pelaksanaan syari'at Islam di Indonesia meskipun melalui pelbagai cabaran dan halangan. Hal ini termuat dalam Pembukaan (*Preamble*) Undang-undang Dasar Indonesia yang dipanggil sebagai Piagam Jakarta (*Jakarta Charter*) yang menetapkan asas Negara Indonesia. Asas Negara Indonesia yang telah ditetapkan ini terdiri daripada lima rukun. Pertama, Ketuhanan, dengan kewajipan menjalankan syari'at Islam bagi pemeluk-pemeluknya; kedua, kemanusiaan yang adil dan beradab; ketiga, persatuan Indonesia; keempat, kerakyatan yang dipimpin oleh hikmat kebijaksanaan dalam permusyawaratan perwakilan; dan kelima, keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia (Endang, 1997).

Dasar hukum pelaksanaan syari'at Islam di Indonesia ini ditempatkan pada rukun pertama tersebut di atas. Lebih kukuh lagi apabila Rancangan Awal Undang-Undang Dasar Indonesia diilhami daripada kandungan Piagam Jakarta terutamanya dalam fasal 28 ayat 1 yang berbunyi: "Negara berdasar atas Ketuhanan, dengan kewajipan menjalankan syari'at Islam bagi pemeluk-pemeluknya". Ini mengesahkan bahawa tidak ada hukum yang mesti berlaku ke atas Negara Indonesia kecuali hukum yang diasaskan kepada syari'at Islam.

Keberhasilan ini mencapai puncak dengan pengisytiharan Piagam Jakarta oleh Presiden Sukarno pada 17 Ogos 1945 melalui pidato kenegaraan pada hari Proklamasi Kemerdekaan Republik Indonesia. Namun begitu kejayaan ini tidak bertahan lama. Besoknya, pada 18 Ogos 1945, pengisytiharan tersebut telah dihapuskan meskipun pada mulanya nyata telah dipersetujui oleh Sukarno sendiri (Ibid). Rukun pertama tersebut yang berkenaan dengan kewajipan menjalankan syari'at Islam bagi pemeluk-pemeluknya ditukar menjadi "Ketuhanan Yang Maha Esa". Kejadian ini, selain dianggap merugikan umat Islam Indonesia, juga telah melemahkan, bahkan menjadi penghalang utama kepada pelaksanaan pembangunan Islam

seperti yang telah dihasratkan oleh umat Islam Indonesia (Boland, 1985).

Seperti pemerintahan Sukarno, pemerintahan Presiden Suharto (1966-1998) juga tidak menggunakan syari'at Islam sebagai satu pendekatan dalam segala aspek pembangunan seperti apa yang terkandung dalam semangat Piagam Jakarta tersebut. Malahan di bawah pemerintahan Suharto falsafah pembangunan kapitalis di Indonesia semakin diperkukuhkan, terutamanya pada pertengahan tahun 1980-an. Oleh itu banyak pihak yang percaya bahawa walaupun Suharto nampak dekat dan memberi sokongan kepada pergerakan-pergerakan Islam, tetapi ia hanya sebagai strategi politik semata-mata untuk mengekalkan kekuasaannya (Vatikiotis, 1993).

Di bawah pemerintahan Presiden Indonesia yang ketiga B.J. Habibie pada 1998-1999 yang mendapat kuasa melalui satu reformasi kekuasaan pula, corak pembangunan Indonesia yang diwujudkan hampir sama sahaja dengan pemerintahan sebelumnya. Beliau hanya menjadi pelaksana pemerintahan transisi. Walaupun dikenali sebagai pemimpin yang agak Islamik, beliau tidak ada upaya mewujudkan syari'at Islam yang wajib dijalankan terutamanya bagi umat Islam Indonesia.

Begitu juga di bawah pemerintahan Presiden keempat Abdurrahman Wahid (1999-2001), Presiden kelima Megawati Sukarno Puteri 2001 hingga kini. Abdurrahman Wahid walaupun berlatarbelakang pengajian Islam, namun tidak membawa kepada pembangunan Islam. Manakala pemerintahan Megawati tidak dapat diharapkan untuk mengagendakan pembangunan Islam sebab beliau sendiri disokong oleh Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDIP) yang berhaluan Nasionalis sekular. Di bawah pemerintahan Susilo Bambang Yudhoyono (2004) pula hingga kini tidak berbeza keadaannya daripada pemerintahan sebelumnya. Tidak ada langung tanda-tanda akan diwujudkan sistem Islam sebagai sistem pembangunan di Indonesia.

Kenyataan di atas menggambarkan bahawa pembangunan Islam akan wujud jika pemimpin yang berkuasa di negara Islam cenderung kepada sistem Islam. Jika tidak, sistem pembangunan Islam yang telah diwujudkan sebelumnya ditukar kepada sistem pembangunan sekular. Malangnya, negara-negara Islam lebih didominasi oleh pemimpin yang berhaluan sekular. Pengabaian sistem Islam ini menyebabkan kekuatan yang dimiliki oleh sistem pembangunan Islam tersebut tidak dikenali ramai kerana umat Islam lebih banyak terdedah kepada sistem sekular.

Fenomena ini mengakibatkan umat Islam kehilangan kepercayaan (*inferiority complex*) terhadap pemikiran dan warisan budaya yang dibangun melalui sistem Islam. Inilah yang melahirkan andaian bahawa pemikiran yang digali dalam ajaran Islam adalah tidak mampu menciptakan peradaban yang agung. Singkatnya, Islam telah dijadikan dan dimasukkan ke dalam kandang tertuduh oleh sebagian besar umatnya sendiri.

Kekalahan psikologis tersebut dikatakan telah menggugat pemikiran dan membuat negara-negara Islam menggantungkan diri kepada negara-negara Barat dalam bidang ekonomi, politik, budaya, pemikiran dan ideologi dan lain-lain. Akibatnya, negara-negara Islam kurang mampu bersaing dengan Barat kerana sejak awal lagi telah menempatkan diri mereka sebagai pihak yang kalah. Oleh sebab itu, walaupun teori dan sistem pembangunan Islam mengungguli teori dan sistem pembangunan Barat, namun ia kurang dipelajari, dikaji dan diamalkan sebaik mungkin sehingga mengalami kebekuan (Ibid).

Oleh itu, dapatlah ditegaskan bahawa tidak bangkitnya sistem pembangunan Islam dan dominannya sistem sekular di dunia Islam disebabkan pendedahan sistem sekular lebih kuat dan jitu berbanding dengan sistem pembangunan Islam sendiri. Ia membuat pemimpin di dunia Islam telah menjadikan sistem sekular sebagai pilihan utama dan wajib diikuti dengan harapan dunia Islam boleh membangun dengan lincah

setara dengan negara maju di Barat. Apatah lagi wujudnya unsur-unsur pemaksaan secara politik untuk mengadakan sistem pembangunan sekular dalam pembangunan negara oleh negara kuasa besar. Inilah antara yang mendorong tidak Islamiknya pembangunan negara-negara Islam.

Fenomena ini dapat menjadi acuan terhadap umat Islam masa kini agar memikirkan bagaimana caranya supaya sistem pembangunan Islam diyakini sebagai sistem yang lebih progresif dan diamalkan supaya dunia Islam mengalami kebangkitan serta menjadi umat yang unggul.

### **Kesimpulan**

Sejak pemerintahan khulafa al-Rasyidun pembangunan Islam jarang-jarang dikaji dan diamalkan di dunia Islam. Ia bermula sejak Mu'awiyah mengamalkan rasuah dan mewujudkan sistem dinasti setelah mengambil alih pemerintahan daripada khalifah Ali. Keadaan ini telah mempengaruhi minda umat Islam untuk lebih cinta kepada kemewahan dunia. Sejak itu pembangunan Islam tidak pernah dilakukan secara holistik dan menyeluruh kecuali di bawah pemerintahan Umar bin Abdul Aziz (717 M), Khalifah Bani Umaiyah ke-8. Walau bagaimanapun, pembangunan Islam yang diperkenalkan oleh Umar bin Abdul Aziz telah terjejas setelah Yazid bin Malik mengambil alih pemerintahan tahun 720 M. Ini terus kekal sehingga di zaman moden sebagaimana yang terjadi di negara-negara Islam seperti di Pakistan, Iran, Sudan, Turki, Malaysia dan di Indonesia. Terabainya sistem pembangunan Islam menyebabkan ia kurang dikenali sehingga umat Islam sendiri ramai yang tidak yakin terhadap keberkesannya dalam mewujudkan pembangunan. Lebih malang lagi apabila sistem pembangunan Islam dituduh sebagai penyebab kepada kemunduran sekiranya diamalkan kerana kononnya ia hanya berlegar dalam isu-isu peribadatan semata seperti solat, zakat, puasa dan sebagainya. Padahal sistem pembangunan Islam sangat menggalakkan kemajuan di pelbagai bidang dalam keadaan lebih baik dari hari sebelumnya. Hanya sahaja,

kemajuan mestilah diterjemahkan mengikut kerangka, prinsip, batasan syariat Islam.

Namun begitu, hampir kesemua negara Islam kurang senang terhadap keterlibatan agama dan mengangkat sistem sekular sebagai perjuangan tertinggi dalam proses pembangunan. Ia berlaku kerana sistem sekular lebih diyakini dapat menggerakkan roda pembangunan ke arah kemajuan sebenar.

Cabarannya kini adalah bagaimana cara agar dunia Islam bukan sahaja meyakini tetapi juga mampu mengamalkan sistem pembangunan Islam menggantikan sistem sekular dalam mewujudkan pembangunan. Ini dilakukan dengan harapan agar dunia Islam lebih mandiri dari segi pendefinisian, ideologi dan konsep pembangunan itu sendiri. Melalui cara ini dunia Islam diharapkan boleh menjadi kuat dan berwibawa di hadapan umat lain di dunia.

### **Rujukan**

Abdul Rahman, H. A. (2010). *Wacana Falsafah Sains: Sejarah dan Pemikiran*. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

Al-Aziz, A. (1998). *Bapa Pembangunan Turki Moden: Pendita Yang Hilang Mustapa Kamal Atatürk Ideologi dan Kesan Ke atas Rakyat Turki*. Usnie Publisher, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Banna, H. (1988). *Konsep Pembaruan Masyarakat Islam, Su'adi Sa'ad (Penterj.)*. Thinker's Library Sdn Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Alawi, T. J. (1995). *Krisis Pemikiran Moden: Diagnosis dan Cara Pemulihan*. Muhammad Firdaus (Penterj.). The International Institute of Islamic Thought, Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Qaradawi, Y. (1998). *Permasalahan Umat*

- Islam Masa Kini, Muhammad Baihaqi (Penterj). Kuala Lumpur, Malaysia.
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Pertentangan Islam dan Sekular: Sekular Pasti Tersungkur*. Juanda bin Haji Jaya (Penterj.). Otopack & Print Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia. Malaysia.
- Al-Qaradawi, Y. (2000). *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Mohammad Zaini (Penterj.). Penerbitan Seribu Dinar, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Amuzegar, J. (1993). *Iran's Economy Under the Islamic Republic*. I. B. Tauris & 7 Co Ltd, United Kingdom, London.
- Bakhash, S. (1985). *The Reign of the Ayatollahs: Iran and the Islamic Revolution*. Counterpoint, United Kingdom, London.
- Boland, B. J. (1985). *Pergumulan Islam Di Indonesia*. Safoedin Bahar (Penterj.). PT. Grafiti Pers, Jakarta, Indonesia.
- CNN Wire Staff (2010). *Ahmadinejad Blames Capitalism for Global*. Dipetik dari <http://edition.cnn.com/2010/WORLD/meast/09/21/un.ahmadinejad/index.html?eref=edition>. Dipetik pada 20 Disember 2010.
- Eramuslim (2009). *Presiden Iran: Tolak Sistem Perekonomian Kapitalis*. Dipetik dari <http://www.eramuslim.com/berita/dunia-islam/presiden-iran-hati-hati-dengan-sistem-kapitalisme-barat.htm#.UQ9A2fJxIGF>. Dipetik pada 4 Februari 2013.
- Endang, S. A. (1997). *Piagam Jakarta 22 Jun 1945: Sebuah Konsensus Nasional Tentang Dasar Negara Republik Indonesia (1945-1949)*. Gema Insani Press, Jakarta, Indonesia.
- Hamka (1994). *Sejarah Umat Islam*. Pustaka Nasional Pte. Ltd, Singapura.
- Ibnu Khaldun (2011). *Mukaddimah*. Masturi, Malik Supar dan Abidun Zuhri (Penterj.). Pustaka al-Kautsar, Jakarta Timur, Indonesia.
- Ibrahim, W. (2000). *Islamic Finance in the Global Economy*. Edinburgh University Press, Edinburgh, United Kingdom, London.
- Idris, Z. (1997). *Kemajuan Negara dan Gejala Sosial, Kupasan Falsafah*. Dalam: *Pemikir*. Julai September, Utusan Melayu (Malaysia) dengan kerjasama Institut Kajian Strategik Antarabangsa (ISIS) dan *Jurnal Foreign Affairs*, 9: 144-158.
- Islami, D. (2010). *Ahmadinejad Offers 5th Development Plan to Majlis*. Dipetik dari <http://www.islamidavet.com/english/2010/01/10/ahmadinejad-offers-5th-development-plan-to-majlis/>. Dipetik pada 20 Disember 2010.
- Izmi.wordpress.com (2009). *Ahmadinejad: Tinggalkan Sistem Kapitalis*. Dipetik dari <http://izmi.wordpress.com/2009/04/30/ahmadinejad-tinggalkan-sistem-ekonomi-kapitalis>. Dipetik pada 4 Februari 2013.
- M-Siraj, S. (2002). *Interpreting Sharia*. Dipetik dari [http://www.oneworld.org/index\\_oc/news/Sudan241197.html](http://www.oneworld.org/index_oc/news/Sudan241197.html). Dipetik pada 25 April 2002.
- Mahayuddin, H. Y., & Ahmad Jelani, H. (1993). *Sejarah Islam*. Fajar Bakti Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Malek, B. (1991). *Islam Dalam Sejarah dan Masyarakat*. Ismail Ahmad (Penterj.). Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad, Q. (1979). *Petunjuk Sepanjang Jalan*. El-Ikhwan Enterprise, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad Rasyid, R. (1991). *Wahyu Ilahi Kepada Muhammad*. Saifuddaulat al-Firdausy (Penterj.). Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.

- Muhammad Syukri, S. (2003). 7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam. Zebra Edition, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad Syukri, S. (1987). Pembangunan Berteraskan Islam. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
- Muhammad Syukri, S. (1990). Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam. Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.
- Muhammad Syukri, S. (2000). Pembangunan Zaman Rasulullah S.A.W.: Antara Kemiskinan dan Kekayaan. Pejabat Mufti Kerajaan Pulau Pinang dan Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.
- Muhammad Syukri, S., & Masudul, A. C. (1999). Islamic Political Economy. Dalam 'Philip O'Hara', ed., Encyclopedia of Political Economy. Routledge, London and New York.
- Muhammad Tahir (2008). Fenomena Pembangunan Berteraskan Islam (Siri 1). Dalam: Majalah I (Informasi, Inovasi, Ilmiah, Intelek, Internasional dan Islamik). April. 66: 64-66.
- Muhyiddin, Y. (1995). Kata Pengantar. Dalam: Taha Jabir al-'Alawi. Krisis Pemikiran Moden: Diagnosis dan Cara Pemulihan. Muhammad Firdaus (Penterj.). The International Institute of Islamic Thought, Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mustaffa, K. A. (1994). Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah. Budaya Ilmu Sdn.Bhd, Selangor, Malaysia.
- Pan, P. P. (2003). Political Experiment Stumbles In Turkey: Effort To Reconcile Islam. Dipetik dari <http://www.washingtonpost.com/wp-dyn/articles/A42727-2003Apr26.html>. Dipetik pada 12 Mei 2003.
- Rafsanjani (2001). Keadilan Sosial: Pandangan Islam Tentang HAM, Hegemoni Barat dan Solusi Dunia Modern. Anna Farida (Penterj.). Penerbit Nuansa, Bandung, Indonesia.
- Reza, A. (2012). Iran: Simbol Anti Imperialisme Setengah Hati. Dipetik dari <http://www.hidayatullah.com/read/20711/17/01/2012/iran:-simbol-anti-imperialisme-setengah-hati!.html>. Dipetik pada 17 Januari 2012.
- Vatikiotis, M. R. J. (1993). Indonesian Politics Under Suharto: the Rise and Fall of the New Order. Routledge, London, United Kingdom.
- Wan Mohd. Nor, W. D. (2001). Pembangunan Di Malaysia Ke arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna. Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Bangsa (ISTAC), Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ziaudin, S. (1990). Masa Hadapan Islam: Bentuk Idea Yang Akan Datang. Mohd. Sidin Ahmad Ishak (Penterj.). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

